

TARIKH	12 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	113	RUANGAN	Sentral

## Kem Bijak TaHa tumpu kuasai bahasa Inggeris

**S**EREMBAN: Kem Bijak TaHa Sanjuran Tabung Haji (TH) dengan kerjasama Unit Pendidikan *Berita Harian* terus menarik minat ibu bapa untuk menghantar anak mereka menyertai kem itu.

Seramai 70 murid terpilih berusia 10 hingga 12 tahun daripada kalangan ahli Kelab TaHa negeri ini turut menyertai kem itu di Dewan Wisma Negeri di sini, Sabtu lalu.

Kem siri kedua selepas Johor Bahru pada 20 Mei lalu, memberi tumpuan terhadap penguasaan subjek bahasa Inggeris.

Peserta, Fatin Afifah Kharul Azmi, 12, dari Sekolah Kebangsaan Palong 9, Jempol, berkata dia menyertai kem itu selepas ibu bapanya melihat iklan mengenai kem itu dalam *Berita Harian*.

"Mengetahui akan diadakan di sini, ibu mencadangkan saya menyertai kem ini kerana yakin amat berkesan selepas peserta sebelum ini menunjukkan perubahan ketara, terutama motivasi diri untuk belajar.

"Kem ini memberi manfaat dan berkesan membantu saya meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris kerana menyediakan pendekatan mudah, sekali gus membantu menghadapi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tidak lama lagi.

"Guru dalam kem ini juga sangat baik dan pandai mengenal pasti kelemahan peserta untuk diperbaiki," katanya yang mahu mendapat 5A dalam UPSR.

Arif Hakimi Abdul Hakim Abd Rahman, 12, dari Sekolah Kebangsaan Pantai dekat sini, pula berkata walaupun sekolah memberi penekanan terhadap subjek Bahasa Inggeris, tetapi pendekatan baru diajar dalam kem itu membantunya memahami dengan lebih baik.

"Aktiviti yang dijalankan juga menarik seperti Cabaran IQ, selain

memberi peluang berkenalan dengan ramai kawan baru. Saya juga kini lebih yakin untuk menguasai bahasa Inggeris," katanya yang kali pertama kali menyertai kem ini.

Sementara itu, Ketua Pembangunan Perniagaan Jabatan Pengerahan *The New Straits Times Press* (NSTP), Salmah Hanim Haris, berkata kem sebelum ini memberikan tumpuan kepada beberapa subjek utama, tetapi kali ini khusus terhadap bahasa Inggeris.

Beliau berkata, kem itu bertujuan membantu murid, terutama calon UPSR mengenal pasti kelemahan dan memastikan mereka lebih mahir menguasai bahasa Inggeris, selain menjawab soalan dengan betul.

"Kem ini akan diteruskan di Perlis (16 Jun) bagi murid antara 10 hingga 12 tahun, Kuala Terengganu (30 Jun) bagi pelajar 15 hingga 17 tahun dan Pulau Pinang (14 Julai) bagi murid 10 hingga 12 tahun," katanya.



MURID diberi penerangan oleh guru berpengalaman pada Kem Bijak TaHa.